

09/03/2002

Ketari medan panaskan jentera pilihan raya umum

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

PILIHAN raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari yang dijangka diadakan awal bulan depan berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negerinya, Datuk Loke Koon Kam, Ahad lalu, mendapat perhatian akhbar berbahasa Cina sepanjang minggu lalu.

Rabu lalu, kolum analisis Nanyang Siang Pau, merumuskan pilihan raya kecil itu bagaikan perang yang harus dimenangi Gerakan kerana Ketari adalah satu-satunya kawasan yang dapat dikuasai parti itu di Pantai Timur.

Penulis berpendapat, kekuatan Gerakan di Bentong, khususnya Ketari, tidak boleh dipandang ringan oleh pihak lain memandangkan parti itu buat masa ini tidak menghadapi sebarang masalah dalaman.

Selain itu, satu lagi kelebihan Gerakan ialah kampung halaman Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, juga adalah di Bentong dan sejak kematian Loke, beliau sibuk memberi bantuan secara menyeluruh di kawasan itu.

Walaupun lebih separuh daripada pengundinya adalah kaum Cina, pengundi Melayu dan India tidak boleh diabaikan kerana mereka memainkan tanggungjawab penting dalam menentukan kemenangan sesuatu parti.

Kolum analisis Nanyang Siang Pau, Selasa lalu, berpendapat kekuatan parti pembangkang yang semakin meluas di Pahang tidak boleh dinafikan.

Justeru, parti pemerintah dan pembangkang dipercayai akan menjadikan pilihan raya kecil itu sebagai pertandingan memanas badan untuk menyelaraskan strategi masing-masing menjelang pilihan raya umum akan datang.

Kolum analisis Sin Chew Jit Poh, Selasa lalu, berpendapat pilihan raya kecil DUN Ketari adalah peluang baik untuk Barisan Nasional (BN) mengetahui kehendak masyarakat Cina.

Menurut penulis, kehendak masyarakat Cina susah dikenal pasti selepas kejadian 11 September dan pengumuman Malaysia sebagai negara Islam oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana mereka bimbang Pas akan menjadi semakin radikal dan tidak mengambil berat pengumuman itu.

Pilihan raya itu akan mencerminkan arah tuju parti politik di negara ini secara keseluruhan. Berdasarkan kekuatan sumber yang dimiliki BN, peluang kemenangan adalah tinggi dan jika wujud pertandingan tiga penjur, parti pembangkang sudah pasti kalah sebelum bertanding.

Sementara itu, akhbar bahasa Tamil tempatan, khususnya Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban), memilih isu gaji bulanan pekerja ladang yang tidak setimpal dengan ekonomi semasa sebagai berita utama minggu ini.

Nesan, dalam editorialnya, menegur Persatuan Pengeluar-Pengeluar Tanaman (MAPA) yang begitu keberatan menaikkan gaji pekerja sedangkan mereka meraih keuntungan berlipat ganda.

Akhbar itu melaporkan, pekerja ladang tidak mendapat imbuhan yang memadai ketika harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah mendapat pasaran lumayan.

Sebaliknya, lapor Nanban, ketika harga tanaman berkenaan merudum, pemilik ladang menjadikan pekerja sebagai mangsa utama bagi memastikan kadar keuntungan mereka tidak terjejas.

Nanban pula memetik kenyataan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang mahu kerajaan mengkaji pemberian gaji bulanan kepada pekerja ladang getah, sama seperti apa yang dinikmati sektor perladangan kelapa sawit sekarang.

Katanya, alasan MAPA bahawa pemberian gaji bulanan akan menjadikan pekerja malas, hanya menunjukkan sikap majikan yang tidak berperikemanusiaan.

Pilihan raya kecil DUN Ketari di Pahang turut mendapat liputan Nanban dan Nesan.

Kedua-dua akhbar memetik jaminan Samy Vellu bahawa semua 917 pengundi kaum India di Ketari akan memihak kepada BN dalam pilihan raya kecil itu.

Katanya, walaupun undi kaum India tidak banyak, ia mungkin menjadi penentu kerana Loke hanya menang dengan majoriti 231 undi pada pilihan raya umum 1999.

Selaras dengan itu, MIC Pahang diberi tanggungjawab memastikan undi masyarakat India di Ketari kekal di tangan BN dan lima jawatankuasa kecil sudah pun ditubuhkan bagi membantu jentera pilihan raya BN di Ketari.

Dalam perkembangan lain, Nesan dan Nanban turut menyiarkan berita mengenai kekecewaan Samy Vellu terhadap sikap Kementerian Pendidikan yang masih belum memberi maklum balas mengenai usul menjadikan semua sekolah Tamil di seluruh negara sebagai sekolah bantuan penuh kerajaan.

Kedua-dua akhbar melaporkan hampir 65 peratus daripada 520 sekolah Tamil di seluruh negara kini adalah sekolah bantuan modal yang memerlukan lebih perhatian daripada kerajaan.

Samy Vellu turut memaklumkan bahawa satu perjumpaan akan diatur dengan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed, dalam masa terdekat dan beliau yakin kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap perkara berkenaan.

(END)